

# OUCH!

## DALAM KELUARAN INI...

- Pengenalan
- Kata Laluan
- Penentu Sahan Dua Langkah

## Penentu Sahan Dua Langkah

### Pengenalan

Proses membuktikan siapa anda (dipanggil verifikasi) merupakan kunci untuk melindungi maklumat anda. Penentu sahan yang kukuh akan memastikan hanya anda yang boleh mencapai maklumat anda, seperti e-mel, gambar, atau akaun bank anda. Terdapat tiga cara berbeza untuk memastikan siapa anda; apa yang anda tahu – seperti kata laluan, apa yang anda ada – seperti lesen memandu, dan apakah anda – seperti cap jari anda. Setiap langkah tersebut mempunyai kebaikan dan keburukannya. Cara yang paling lazim adalah kata laluan, sesuatu yang anda tahu. Dalam surat berita ini kami akan mengajar anda bagaimana melindungi diri anda dengan penentu sahan dua langkah, sesuatu yang lebih selamat dari hanya kata laluan namun sangat mudah digunakan. Untuk memahami penentu sahan dua langkah, kita perlu mulakan dengan kata laluan dahulu.

### Editor Jemputan

Keith Palmgren mempunyai pengalaman lebih dari 30 tahun dalam bidang Keselamatan Maklumat. Beliau merupakan pengajar kanan SANS Institute yang bertauliah dan pengarang kursus SANS SEC301, kursus lima hari pengenalan kepada keselamatan maklumat. Di masa lapang, beliau lebih fokus menulis projek dan perunding cara. Anda boleh mengikuti beliau di [@kpalmgren](https://twitter.com/kpalmgren).

### Kata Laluan

Kata laluan membuktikan anda dengan sesuatu yang anda tahu. Bahaya kata laluan adalah ianya merupakan titik tunggal kegagalan. Jika seseorang boleh meneka atau memperoleh kata laluan anda, mereka kemudiannya boleh berpura-pura menjadi anda dan mencapai semua maklumat anda yang dilindungi olehnya. Inilah mengapa anda diajar untuk melindungi kata laluan anda, seperti menggunakan kata laluan yang sukar untuk diteka, menggunakan kata laluan yang berlainan untuk setiap akaun atau tidak berkongsi kata laluan dengan orang lain. Walaupun nasihat ini masih boleh digunakan, teknologi terkini menjadikannya begitu mudah untuk penyerang siber mengkompromikan kata laluan. Apa yang kita perlukan adalah senang digunakan, namun penyelesaian lebih selamat untuk penentu sahan yang kukuh. Mujurlah, pilihan sedemikian terdapat sebagai lazim, sesuatu yang dipanggil penentu sahan dua langkah.

### Penentu Sahan Dua Langkah

Penentu sahan dua langkah (kadang kala dipanggil penentu sahan dua faktor) merupakan penyelesaian yang lebih selamat berbanding kata laluan. Ia berfungsi dengan memerlukan bukan satu tapi dua langkah berbeza untuk mengesahkan diri anda. Salah satu contoh adalah kad ATM anda. Untuk mencapai duit anda memerlukan dua perkara, kad ATM (sesuatu yang anda punyai) dan nombor PIN (sesuatu yang anda tahu). Jika anda kehilangan kata laluan anda duit anda

## Penentu Sahan Dua Langkah

masih selamat. Sesiapa yang menjumpai kad anda tidak boleh mengeluarkan duit anda kerana mereka tidak mengetahui PIN (kecuali anda tulis PIN tersebut di atas kad, iaitu merupakan idea yang kurang bijak). Begitu juga sebaliknya jika mereka mempunyai PIN tetapi tidak kad anda. Seorang penyerang perlu mempunyai kedua-dua untuk mengkompromikan akaun ATM anda. Ini menjadikan penentu sahan dua langkah menjadi lebih selamat, anda mempunyai dua lapisan keselamatan.

### Menggunakan Penentusahan Dua Langkah

Penentu sahan dua langkah merupakan sesuatu yang anda tetapkan secara individu untuk setiap akaun anda. Mujurlah kebanyakan perkhidmatan dalam talian menyediakannya. Salah satu peneraju dalam penentu sahan dua langkah adalah Google. Akaun Google merupakan sasaran utama untuk penyerang siber kerana ia menyediakan pelbagai perkhidmatan dalam talian untuk jutaan pengguna di seluruh dunia secara percuma. Oleh itu, Google perlu menyediakan penentu sahan yang lebih kukuh dan merupakan salah satu organisasi yang pertama untuk memulakan penentu sahan dua langkah untuk kebanyakan perkhidmatan dalam taliannya. Jika anda memahami bagaimana penentu sahan Google berfungsi, anda akan memahami bagaimana penentu sahan dua langkah berfungsi untuk laman lain seperti Twitter, Facebook, Apple, Instagram dan bank-bank.

Mula-mula anda bolehkan penentu sahan dua langkah pada akaun Google anda dan daftarkan nombor mudah alih anda. Setelah siap, penentu sahan berfungsi seperti berikut. Anda log masuk akaun seperti biasa menggunakan nama pengguna dan kata laluan. Ini merupakan salah satu langkah tersebut – sesuatu yang anda tahu. Google kemudiannya menghantar pesanan ringkas kepada telefon mudah alih anda yang mengandungi kod unik, lebih spesifik nombor enam digit. Sama seperti kata laluan, anda kemudiannya memasukkan 6 digit nombor tersebut dalam laman tersebut. Ini merupakan langkah kedua daripada dua faktor tersebut. Jadi untuk log masuk dengan jayanya kepada akaun anda, anda perlu tahu kata laluan anda dan mempunyai telefon mudah alih anda untuk menerima kod unik. Walaupun penyerang mempunyai kata laluan anda, mereka tidak boleh mencapai akaun Google anda melainkan mereka juga mempunyai telefon anda. Untuk memastikan akaun anda benar-benar selamat, Google akan menghantar anda kod unik setiap kali anda log masuk.

Terdapat satu lagi pilihan untuk penentu sahan dua langkah dengan Google dan laman-laman lain. Selain daripada menerima kod unik melalui pesanan SMS, anda boleh memasang aplikasi penentusahan pada telefon pintar anda. Aplikasi tersebut manjana kod unik untuk anda setiap kali anda mahu log masuk. Kebaikan menggunakan aplikasi mudah alih ada-



*Gunakan penentu sahan dua langkah apabila mungkin, ianya merupakan langkah paling selamat yang boleh anda ambil untuk melindungi maklumat anda.*

## Penentu Saham Dua Langkah

lah anda tidak perlu mempunyai hubungan dengan penyedia perkhidmatan telefon untuk menerima kod unik anda, telefon anda menjanakannya untuk anda. Sebagai tambahan, memandangkan kod anda dijana secara tempatan pada telefon anda dan bukannya dihantar kepada anda, ia tidak boleh di pintas.

Ingat, penentu saham dua langkah tidak dibolehkan secara lalai, anda perlu menjananya sendiri. Walaupun penentu saham dua langkah tampak seperti kerja yang lebih untuk permulaan, kami sangat mengesyorkan anda untuk menggunakannya apabila mungkin, terutamanya untuk perkhidmatan kritikal seperti akaun e-mel, perbankan dalam talian atau menyimpan fail dalam talian. Penentu saham dua langkah melindungi maklumat anda lebih kukuh berbanding menggunakan kata laluan yang mudah.

### Mari Belajar Lebih Lanjut!

Langganilah surat berita bulanan berkenaan Kesedaran Keselamatan Untuk Pengguna Komputer OUCH!, akseslah arkib OUCH!, dan belajar lebih lanjut mengenai penyelesaian kesedaran keselamatan SANS dengan melayari laman sesawang kami di <http://www.securingthehuman.org>.

### Penterjemahan oleh SNSC.

Pusat Keselamatan Rangkaian SKMM (SKMM Network Security Centre- SNSC) beroperasi di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dengan matlamat menjamin keselamatan maklumat, kebolehpercayaan dan keutuhan rangkaian di Malaysia. Laman Web: <http://snc.skmm.gov.my/>.

### Sumber

Passphrases:	<a href="http://www.securingthehuman.org/ouch/2015#april2015">http://www.securingthehuman.org/ouch/2015#april2015</a>
Sites Supporting Two-Step Verification:	<a href="https://twofactorauth.org">https://twofactorauth.org</a>
Stop Think Connect:	<a href="http://stopthinkconnect.org/2stepsahead">http://stopthinkconnect.org/2stepsahead</a>
Google Two-Step Verification:	<a href="http://www.google.com/landing/2step/">http://www.google.com/landing/2step/</a>
SANS Security Tip of the Day:	<a href="http://www.sans.org/tip_of_the_day.php">http://www.sans.org/tip_of_the_day.php</a>

OUCH! diterbitkan oleh program SANS "Securing The Human" dan diedarkan di bawah lesen [Creative Commons BY-NC-ND 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/4.0/). Kebenaran diberikan untuk mengedarkan surat berita ini atau menggunakannya dalam mana mana program kesedaran selagi tiada perubahan dibuat kepada kandungan asal.

Editor: Bill Wyman, Walt Scrivens, Phil Hoffman, Bob Rudis  
Translated by: Muhamad Hashimi, Rahayu Aziz, and Sheikh Ahmad Raffie

